

GARIS PANDUAN PERSEMBAHAN HIBURAN DALAM KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU BANDAR RAYA ISLAM

1.0. PENDAHULUAN

Semua jenis hiburan hendaklah mendapat kebenaran daripada pegawai pelesen iaitu Yang Di Pertua Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam. Lesen hanya boleh dikeluarkan bagi jenis hiburan yang dikawal selia sahaja

2.0. ENAKMEN

MPKB-BRI mengguna pakai Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat Hiburan 1998 dan garis panduan Persembahan Kebudayaan Majlis Kelantan dalam meluluskan lesen hiburan

3.0. TAKRIF

i) Hiburan

Hiburan ertinya mana-mana hiburan yang baginya Enakmen ini terpakai

ii) Tempat Hiburan

Tempat hiburan ertinya mana-mana tempat yang diatasnya ada apa-apa binaan atau struktur, apa-apa premis atau bangunan sama ada sementara atau kekal atau apa-apa perahu di air atau mana-mana tempat lain yang di dalamnya atau di situ sesuatu hiburan diadakan atau dicadang hendak diadakan dan yang ke situ orang ramai boleh mendapat akses dengan atau tanpa bayaran, dan termasuklah sesuatu taman hiburan

4.0. PROSES PERMOHONAN DAN CAGARAN

i) Borang permohonan lesen hiburan hendaklah dikemukakan dalam tempoh dua (2) minggu sebelum dari tarikh pertunjukan yang hendak diadakan

- ii) Permohonan lesen hiburan yang dikemukakan kepada MPKB-BRI hendaklah mendapat surat sokongan daripada pihak polis
- iii) Mengenakan cagaran minima terhadap pemohon yang telah diluluskan lesen hiburan di bawah Enakmen Kawalan Hiburan & Tempat Hiburan 1998 sebagaimana berikut:-
 - Cagaran minima hiburan pertunjukan/permainan tradisional dikenakan sebanyak RM 300.00
 - Cagaran minima hiburan pertunjukan/permainan moden di tempat tertutup (hotel & dewan) dan terbuka (stadium) dikenakan **RM1,000.00 – RM15,000.00**. Bergantung kepada program pemohon.

5.0. Hiburan Yang Diluluskan

- i) Dikir barat
- ii) Nyanyian di tempat tertutup
- iii) Silat cantik
- iv) Pertunjukkan tatu
- v) Tomoi
- vi) Silap mata topeng (cina)
- vii) Pertunjukkan binatang
- viii) Pertunjukkan fesyen kanak-kanak
- ix) Pertunjukkan kebudayaan cina tertutup
- x) Pertunjukkan kebudayaan thai tertutup
- xi) Persembahan tarian singa (cina)
- xii) Tarian tradisional kanak-kanak bawah 12 tahun (cina)
- xiii) Nasyid
- xiv) Tayangan gambar
- xv) Perayaan tokong (cina)
- xvi) Wayang kulit versi baru
- xvii) Uji bakat/pertandingan nyanyian cina (di dewan)
- xviii) Persembahan temu puisi
- xix) Persembahan muzik pendidikan khas
- xx) Persembahan karaoke lelaki sempena hari keluarga
- xxi) Pertunjukan pakaian cheong sam
- xxii) Persembahan tarian belly kanak-kanak perempuan sahaja (cina)
- xxiii) Persembahan nasyid sahaja dibenarkan untuk semua artis lelaki

6.0. HIBURAN YANG DILARANG

- i) Makyong
- ii) Menora
- iii) Wayang kulit tradisional
- iv) Main puteri
- v) Pelaga binatang

7.0. SYARAT-SYARAT UNTUK PERSEMBAHAN HIBURAN

- i) Tidak melibatkan perempuan 12 tahun ke atas (cukup umur), lelaki menyerupai perempuan atau sebaliknya
- ii) Tidak dipertunjukkan oleh lelaki bersama perempuan yang bercampur aduk tanpa batasan syarie atau pertunjukkan oleh perempuan yang mendedahkan aurat
- iii) Tidak mengandungi unsur kepercayaan, ucapan, bacaan dan perbuatan yang berunsur syirik, kufur, keji, lucah, mencela, memaki, fitnah, maksiat dan yang bercanggah dengan akidah syariah dan tatasusila Islam
- iv) Tidak mengandungi unsur-unsur kufur seperti pemujaan roh, semangat hantu syaitan, jin dan tempat yang dianggap keramat seperti kubur sebagainya
- v) Tidak mengandungi unsur-unsur penghinaan, celaan cacian, perkelahian, pergaduhan dan memecah belah perpaduan kaum
- vi) Tidak merosak nyawa, akal, keturunan, kemudaran tubuh badan dan harta benda individu dan awam
- vii) Tidak mengandungi unsur-unsur perjudian atau pertaruan yang berlaku untung rugi
- viii) Tidak mengganggu ketenteraman rumah ibadat Islam (tidak kurang 100 meter)
- ix) Hendaklah memberhentikan permainan/pertunjukkan setiap kali azan waktu solat
- x) Tidak mengandungi unsur-unsur penyeksaan kepada binatang-binatang atau memusnahkan tumbuh-tumbuhan kecuali yang dihalalkan oleh syariat Islam
- xi) Hendaklah mengasingkan tempat duduk lelaki dan wanita dan menjaga keselamatan penonton
- xii) Tempat persembahan hendaklah dalam keadaan terang
- xiii) Wanita tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam persembahan
- xiv) Peserta yang mengambil bahagian dalam persembahan/pertunjukkan hendaklah berpakaian kemas dan sopan

- xv) Sebarang bunyi-bunyian muzik hendaklah tidak terlalu kuat dan tidak mengganggu ketenteraman kawasan sekitar
- xvi) Mematuhi arahan yang ditetapkan oleh pihak Polis dan MPKB-BRI
- xvii) Mana-mana melanggar syarat kelulusan yang ditetapkan itu, wang cagaran akan dirampas dan dijadikan hasil Majlis
- xviii) Bayaran cagaran sebanyak RM300/RM1000/RM20000 hendaklah dijelaskan sebelum persembahan diadakan berbentuk tunai dan bank draf sahaja

8.0. HARI-HARI DITEGAH MENGADAKAN PERSEMBAHAN HIBURAN

Hari-hari yang ditegah mengadakan persembahan hiburan mengikut government gazette, government of Kelantan 1957 perlu dipatuhi iaitu:-

- | | | | |
|------|---|---|---|
| i) | Khamis (malam) Jumaat | - | daripada 6.00 ptg
hingga 6.00 ptg hari
Jumaat |
| ii) | Maulidul Rasul | - | daripada 6.00 ptg
sebelum sehingga 6.00 ptg
pada hari itu |
| iii) | Israk Mik'raj | - | daripada 6.00 ptg
sebelum sehingga 6.00 ptg
pada hari itu |
| iv) | Nisfu Sya'aban | - | daripada 6.00 ptg
sebelum sehingga 6.00 ptg
pada hari itu |
| v) | Hari pertama hari Raya
Puasa (Aidil Fitri) | - | daripada 6.00 ptg
sebelum sehingga 6.00 ptg
pada hari itu |
| vi) | Hari pertama hari Raya
Haji (Aidil Adha) | - | daripada 6.00 ptg
sebelum sehingga 6.00 ptg
pada hari itu |
| vii) | Ramadan | - | sepanjang bulan |

9.0. PENALTI

- i) Tiada seorang pun boleh mengadakan hiburan di mana-mana tempat melainkan jika Pegawai Pelesen telah memberikan-
 - a) Suatu lesen untuk mengadakan hiburan itu; dan
 - b) Suatu lesen untuk mengadakan hiburan di tempat itu
- iii) Mana-mana orang yang melanggar perintah (i) a & b di atas adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit (RM 20,000) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya.

10.0. PENGECUALIAN DAN TARAF EKSKLUSIF

Kerajaan Negeri boleh mengecualikan atau memberi taraf eksklusif kepada mana-mana jenis atau kelas hiburan dan mana-mana tempat hiburan daripada Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1998

Hiburan dan tempat hiburan yang dikategorikan sebagai eksklusif ialah:-

- i) Diadakan khusus untuk tujuan adat dan agama lain
- ii) Di gelanggang seni dan tempat-tempat awam tertentu untuk acara rasmi kebudayaan dan pelancongan Negeri
- iii) Acara-acara hiburan tertentu yang akan ditentukan dari masa ke semasa

Disediakan oleh;

Jabatan Pelesenan
Majlis Perbandaran Kota Bharu
Bandar Raya Islam

Bertarikh: 05 Julai 2010